ABP PERFAB (M) SDN BHD

lwn.

NATIONWIDE EXPRESS COURIER SERVICES BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
UMI KALTHUM ABD MAJID PK
[GUAMAN SIVIL NO: 23-91(A)-2003]
13 APRIL 2010

KONTRAK: *Mungkir - Pengangkutan barang - Liabiliti pengangkut - Syarikat pengangkut gagal menyerah konsainan pada masa yang ditetapkan - Kerugian kepada plaintif - Syarat terdahulu penerimaan konsainan - Peruntukan kl.-kl. 10 & 11 "Standard Conditions of Carriage" ("Standard Conditions") - Liabiliti pengangkut terhad kepada RM200 - Sama ada klausa-klausa "Standard Conditions" mengecualikan liabiliti pengangkut - Sama ada plaintif mempunyai notis berkenaan had liabiliti pengangkut - Sama ada "Standard Conditions" terpakai terhadap plaintif - Ailsa Craig Fishing Co Ltd v. Malvern Fishing Co Ltd & Anor*

PENGANGKUTAN MELALUI UDARA DAN DARAT: *Pengangkutan barang - Liabiliti pengangkut - Syarikat pengangkut gagal menyerah konsainan pada masa yang ditetapkan - Kerugian kepada plaintif - Syarat terdahulu penerimaan konsainan - Peruntukan kl.-kl. 10 & 11 "Standard Conditions of Carriage" ("Standard Conditions") - Liabiliti pengangkut terhad kepada RM200 - Sama ada klausa-klausa "Standard Conditions" mengecualikan liabiliti pengangkut - Sama ada plaintif mempunyai notis berkenaan had liabiliti pengangkut - Sama ada "Standard Conditions" terpakai terhadap plaintif - Ailsa Craig Fishing Co Ltd v. Malvern Fishing Co Ltd & Anor*

Pada 10 Jun 2003, defendan, sebuah syarikat kurier, telah mengambil dokumen tender plaintif ('dokumen tender') untuk diserahkan kepada Kementerian Pertahanan pada 11 Jun 2003 pada pukul 10 pagi, iaitu dua jam sebelum masa tender tersebut tamat. Plaintif membawa tuntutan ini dengan alegasi bahawa defendan telah memungkiri kontrak dan/atau cuai untuk menyerahkan dokumen tender itu pada atau sebelum masa yang telah diendorskan atas sampul surat yang mengandungi dokumen tender itu. Justeru, plaintif mendakwa bahawa ianya telah mengalami kerugian keuntungan sebanyak RM1 juta atas jangkaan

bahawa plaintif akan mendapatkan tender tersebut. Pihak defendan pula berhujah bahawa berdasarkan peruntukan kl.-kl. 10 dan 11 "'Standard Conditions of Carriage" ("Standard Conditions") yang merupakan syarat terdahulu penerimaan konsainan oleh defendan, liabiliti defendan adalah terhad kepada RM200. Adalah juga hujahan defendan bahawa "Standard Conditions" tersebut terdapat di muka hadapan kesemua nota-nota konsainan defendan termasuk bagi penghantaran dokumen tender plaintif. Sebaliknya, plaintif mengatakan bahawa peruntukan liabiliti yang membataskan liabiliti defendan itu adalah kurang jelas, kabur dan tidak pasti dan juga tiada notis yang munasabah telah diberikan kepada plaintif terhadap "Standards Conditions" tersebut. Mahkamah telah memutuskan tindakan ini berdasarkan soalan awalan yang dikemukakan oleh pihak defendan di bawah A. 14A dan/atau A. 33 k. 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 iaitu, sama ada liabiliti defendan adalah terhad kepada RM200 menurut "Standard Conditions" yang tertera pada nota konsainan defendan tersebut.

Diputuskan (penghakiman dimasukkan terhadap liabiliti defendan setakat RM200):

(1) Berdasarkan muka hadapan nota konsainan dan memandangkan plaintif sendiri telah menyediakan dan menyimpan sesalinan nota itu, plaintif didapati telah diberikan secukup notis berkenaan had liabiliti defendan ke atas konsainan tersebut. Tambahan lagi, dakwaan plaintif bahawa peruntukan klausa pembatasan liabiliti defendan adalah kabur, tidak pasti dan kurang jelas adalah tidak berasas. Plaintif tidak boleh menafikan bahawa ianya telah bersetuju menerima terma-terma yang termaktub dalam "Standard Conditions" itu dan juga dihalang daripada menafikan bahawa klausa-klausa itu terpakai terhadapnya (*Ailsa Craig Fishing Co Ltd v. Malvern Fishing Co Ltd & Anor*; diikuti). (perenggan 10, 11 & 14)

Kes-kes yang dirujuk:

Ailsa Craig Fishing Co Ltd v. Malvern Fishing Co Ltd & Anor [1983] 1 All ER 101 ***(foll)***

Malaysian Airline System Bhd. v. Malini Nathan & Anor [1985] 1 CLJ 340 ***(refd)***

Port Swettenham Authority v. TW Wu And Co (M) Sdn Bhd [1978] 1 LNS 146 PC ***(refd)***

Sebor (Sarawak) Trading Sdn Bhd v. Syarikat Cheap Hin Toy Manufacture Sdn Bhd & Another Appeal [2003] 2 CLJ 381 CA ***(refd)***

Sze Hai Tong Bank Ltd v. Rambler Cycle Co Ltd [1959] 1 LNS 95 PC ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk: A
Rules of the High Court 1980, O. 14A, O. 33 r. 2

Bagi pihak plaintif - Sarojah Sukumar; T/n Bala & Co
Bagi pihak defendan - Lim Jit Kiong; T/n Soo Thien Ming & Nashrah

Dilaporkan oleh Kumitha Abdul Majid B

PENGHAKIMAN

Umi Kalthum Abd Majid PK: C

Permohonan

[1] Defendan telah memohon di bawah A. 14A dan/atau A. 33 k. 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("KKMT") dalam kandungan 42, untuk mahkamah menentukan persoalan awalan undang-undang dan/atau isu yang berbangkit dalam kausa iaitu: D

(a) sama ada liabiliti defendan adalah terhad kepada RM200 menurut 'Standard Conditions of Carriage' yang tertera pada nota konsainan defendan; E

(b) jika jawapan kepada (a) adalah positif, maka penghakiman dimasukkan terhadap defendan setakat RM200 sahaja dan tuntutan lain plaintif adalah ditolak; dan

(c) kos permohonan dan tindakan ini dibayar oleh plaintif kepada defendan. F

Fakta Kes

[2] Defendan adalah sebuah syarikat kurier yang mempunyai sebuah cawangan di Kluang, Johor. Pada 10 Jun 2003, cawangan defendan di Kluang telah mengambil suatu dokumen tender plaintif ("dokumen tender") untuk diserahkan kepada Kementerian Pertahanan pada 11 Jun 2003 jam 10 pagi, iaitu dua jam sebelum pukul 12 tengahari, yang merupakan masa tender tersebut tamat. G H

[3] Plaintif mendakwa bahawa defendan telah memungkiri kontrak dan/atau cuai untuk menyerahkan dokumen tender itu pada atau sebelum masa yang telah ditetapkan dan diendorskan atas sampul surat yang mengandungi dokumen tender itu. Oleh itu, plaintif mendakwa beliau telah mengalami kerugian keuntungan RM1 juta atas jangkaan plaintif akan mendapatkan tender tersebut. I

[4] Sebagai suatu isu awalan yang kedua-dua pihak telah mempersetujui bagi mahkamah ini memutuskan dalam dokumen "Isu-Isu Yang Perlu Diperbicarakan" dalam kandungan 28 adalah soalan-soalan yang dikemukakan itu. Oleh itu saya akan memutuskan soalan-soalan tersebut seperti berikut.

Soalan: Sama Ada Liabiliti Defendan Adalah Terhad Kepada RM200 Menurut 'Standard Conditions Of Carriage' Yang Tertera Pada Nota Konsainan Defendan

[5] Saya bersetuju dengan hujahan peguam cara defendan yang bijaksana bahawa kes ini boleh diputuskan secara keseluruhan berdasarkan soalan awalan yang dikemukakan itu. Soalan tersebut merupakan asas tanggungjawab dan liabiliti defendan terhadap plaintif berhubungan dengan persetujuan defendan untuk membuat penghantaran dokumen tender itu untuk plaintif. Setelah menyetujui soalan awalan ini diputuskan oleh mahkamah, adalah tidak wajar bagi plaintif untuk membantah terhadap pendekatan yang telah diambil oleh defendan dengan membuat permohonan ini.

[6] Pihak defendan berhujah bahawa berdasarkan peruntukan kl. 10 dan 11 'Standard Conditions of Carriage' ("Standard Conditions"), yang merupakan syarat terdahulu penerimaan konsainan oleh defendan (condition precedent to the acceptance of consignment by carrier), liabiliti defendan adalah terhad kepada RM200. Standard Conditions terdapat di muka hadapan kesemua nota-nota konsainan defendan, termasuk bagi penghantaran dokumen tender plaintif, di mana Standard Conditions itu merujuk kepada syarat-syarat seragam pengangkutan yang tidak boleh dirunding (non-negotiable "Standard Conditions of Carriage").

[7] Pihak plaintif pula berhujah bahawa Klausa-Klausa Standard Conditions itu yang menghadkan atau mengecualikan liabiliti defendan terhadapnya tidak mengikat plaintif. Beliau merujuk kepada kes Privy Council daripada Singapura *Sze Hai Tong Bank Ltd v. Rambler Cycle Co. Ltd.* [1959] 1 LNS 95; [1959] MLJ 200 dan dari Malaysia *Port Swettenham Authority v. TW Wu And Co (M) Sdn. Bhd.* [1978] 1 LNS 146 sebagai otoritinya.

[8] Plaintif juga berhujah bahawa peruntukan liabiliti yang membataskan liabiliti defendan itu adalah kurang jelas, kabur dan tidak pasti. Peruntukan juga merujuk kepada perkara penghantaran dan bukan mengenai pengangkutan barangan di atas tanah.

[9] Sebagai alternatif, plaintif berhujah bahawa beliau mempunyai kausa tindakan kecuaian yang baik terhadap defendan. Ini adalah oleh kerana tiada notis yang munasabah telah diberikan kepada plaintif terhadap Standard Conditions itu. Bahawa hanya setelah notis tindakan guaman diberikan kepada defendan, barulah defendan telah mengambil perhatian plaintif terhadap Standard Conditions itu.

Keputusan

[10] Adalah diperhatikan di muka hadapan nota konsainan nombor 57779525 - 054856 dalam eks. 'A3', afidavit defendan (II), kandungan 47 yang disediakan oleh plaintif sendiri ada dicatitkan di tengah-tengah bahagian bawah nota tersebut kenyataan seperti berikut:

> **Condition Precedent To The Acceptance Of Consignment By Carrier**
>
> By tendering goods with NECSB, the sender agrees to be bound by the terms and conditions printed on the reverse side of sender's receipt. This non-negotiable consignment-note is subject to Standard Conditions of Carriage shown on the reverse side. Subject to the said Standard Conditions of Carriage the maximum liability of the carriage per consignment shall not exceed RM200.00 for any reason whatsoever and the carrier shall not be liable for incidental or consequential damage/losses in the carriage of this shipment.

Di bahagian bawah sekali, selepas "Condition Precedent" itu, dicatitkan dalam huruf besar seperti berikut:

> KINDLY RETAIN SENDER'S COPY FOR YOUR REFERENCE. NOTE: SENDER IS LIABLE IF RECEIVER/ 3RD PARTY FAILS TO PAY FOR 'REVERSE CHARGE' TRANSACTIONS

Berdasarkan muka hadapan nota konsainan itu sahaja, dan memandangkan bahawa plaintif sendiri telah menyediakan dan menyimpan sesalinan nota itu, saya dapati plaintif telah diberikan secukup notis berkenaan had liabiliti defendan ke atas konsainan yang tersebut. Beliau sekarang tidaklah boleh mengatakan beliau tidak diberi notis tersebut tambahan pula Standard Conditions telah dipamerkan di sebelah belakang nota tersebut yang mana di kl. 10 dan 11 menyatakan seperti berikut:

A
10. NATIONWIDE EXPRESS shall be liable subject to clause II hereof, for loss sustained by the customer due to damage or loss of the documents or goods whilst in NATIONWIDE EXPRESS'S custody or control provided that such loss or damage was due to the negligence of NATIONWIDE EXPRESS, its servants or agents. Save as aforesaid NATIONWIDE EXPRESS shall be under no liability in respect of the documents or goods carried by it and in particular shall not be liable for consequential loss however arising. The parties agree that consequential loss shall be deemed to include without restriction commercial, financial or other direct loss including loss of interest, profit, markets and utility. NATIONWIDE EXPRESS shall not be liable for any loss or damage incurred by the customer due to any delay in the carriage or delivery of documents or goods which are beyond the control of NATIONWIDE EXPRESS or any loss or damage as a result of Act of God or any force majeure occurrence.

11. The liability of NATIONWIDE EXPRESS shall be limited to the payment by NATIONWIDE ESPRESS by way of damage of a sum not exceeding RM200 or its equivalent per consignment or the value of the consigned goods or documents, whichever is lesser. For the purpose of establishing the amount of NATIONWIDE EXPRESS liability under this clause the value of a document of the goods shall be ascertained by reference to their repayment or constitution value at the time and place of shipment without reference to their commercial utility to the customer and other items of consequential loss. Consequential loss herein shall bear the same meaning as in clause 10 hereof.

Lihat kes *Sebor (Sarawak) Trading Sdn. Bhd v. Syarikat Cheap Hin Toy Manufacture Sdn. Bhd. & Another Appeal* [2003] 2 CLJ 381 CA; *Malaysian Airline System Bhd. v. Malini Nathan & Anor* [1985] 1 CLJ 340; [1985] CLJ (Rep) 569; [1986] 1 MLJ 330 SC.

[11] Saya juga mendapati dakwaan plaintif bahawa peruntukan klausa pembatasan liabiliti defendan itu kabur, tidak pasti dan kurang jelas adalah tidak berasas sama sekali. Peruntukan-peruntukan yang saya telah petik di atas jelas memperuntukkan tentang perkara ini termasuk tentang pengangkutan barangan di atas tanah ("... in respect of the documents or goods carried by it ...", "... in the carriage or delivery of documents or goods ...").

[12] Mengenai isu sama ada klausa pengecualian atau yang menghadkan liabiliti defendan terhadap plaintif tidak mengikat plaintif, pada pertamanya saya menolak hujahan peguam cara plaintif yang bijaksana bahawa kl. 10 dan 11 itu adalah klausa yang mengecualikan liabiliti defendan terhadap plaintif. Oleh itu otoriti-otoriti yang dikemukakan oleh pihak plaintif mengenai aspek ini tidak terpakai dan dibezakan. Klausa 10 dan itu merupakan klausa yang menghadkan liabiliti defendan terhadap plaintif.

[13] Peguamcara defendan yang bijaksana telah merujuk kepada kes *House of Lords Ailsa Craig Fishing Co. Ltd v. Malvern Fishing Co Ltd & Anor* [1983] 1 All ER 101 di mana diputuskan di "Held (1)" seperti berikut:

> (1) The issue of whether a condition in a contract limiting liability was effective depended on the construction of the condition in the context of the contract as a whole ... Thus a limitation clause was not to be construed as rigidly and strictly as an exclusion clause since an agreed limitation of liability was more likely to accord with the true intention of the parties (having regard to the amount of the potential loss in relation to the sum paid for the service contracted to be rendered) than an exclusion of all liability.

Dalam kes *Ailsa Craig*, perayu adalah pemilik sebuah bot ikan yang telah tenggelam pada tahun 1971 semasa berpelabuhan di pelabuhan Aberdeen. Bot itu kerugian sepenuhnya. Responden adalah sebuah syarikat sekuriti yang memberi khidmat sekuriti melalui kontrak kepada persatuan pemilik bot-bot ikan, termasuk perayu yang adalah ahli persatuan itu. Terdapat suatu syarat kontrak yang menyatakan jika responden menanggung liability "for any loss or damage of whatever nature arising out of ... or [the] failure in [the] provision of the services" yang dikontrakkan, liabiliti itu adalah dihadkan kepada £1,000. Perayu telah mengambil tindakan terhadap responden untuk menuntut gantirugi. Mahkamah pada mulanya telah memutuskan bahawa kerugian yang dialami oleh perayu adalah akibat kecuaian dan pecah kontrak responden dan telah mentaksir gantirugi sebanyak £55,000. Responden merayu terhadap keputusan itu dan telah mengakui bahawa responden telah cuai dan pecah kontrak akan tetapi berpendirian bahawa liabiliti responden telah dihadkan di bawah syarat kontrak. Rayuan responden dibenarkan di mana mahkamah telah menetapkan liabiliti responden adalah terhad di bawah syarat kontrak itu sebanyak £1,000 sahaja, walaupun terdapat kegagalan mutlak responden untuk melaksanakan kontrak sekuriti itu.

Perayu merayu kepada House of Lords terhadap keputusan ini. House of Lords telah menolak rayuan perayu itu.

[14] Kes *Ailsa Craig* telah diterima pakai oleh mahkamah di Malaysia. Saya juga menerima pakainya dalam konteks kes ini. Saya dapati fakta kes *Ailsa Craig* serta isu-isu yang terdapat dalam kes tersebut seakan sama dengan kes kita ini, di mana pihak plaintif telah juga menuntut kerugian akibat kecuaian defendan. Namun, sebagaimana House of Lords telahpun memutuskan, klausa yang menghadkan liabiliti defendan tetap terpakai walaupun defendan dalam kes ini adalah cuai (yang tidak diakui oleh defendan secara terang tetapi memandangkan defendan bersetuju soalan dikemukakan itu, ia merupakan suatu pengakuan secara tidak langsung). Plaintif tidak boleh menafikan beliau telah bersetuju menerima terma-terma yang termaktub dalam Standard Conditions itu dan dihalang daripada menafikan klausa-klausa itu terpakai terhadapnya.

[15] Oleh yang demikian, saya menjawab soalan (a) dengan positif, dan dengan itu penghakiman adalah dimasukkan terhadap defendan setakat RM200 sahaja dan tuntutan plaintif yang lain adalah ditolak. Kos untuk permohonan ini dan untuk tindakan substantif adalah sebanyak RM8,000 yang hendaklah dibayar oleh plaintif kepada defendan.